



## A. DASAR PRIVASI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan untuk mengawal selia pemprosesan data dalam transaksi komersial. Akta ini, yang merangkumi semua syarikat-syarikat dan firma-firma yang ditubuhkan di Malaysia, mewajibkan kami memaklumkan anda berkenaan hak-hak anda berkaitan data peribadi anda yang sedang diproses atau yang akan dikumpulkan dan yang akan diproses oleh pihak kami serta maksud-maksud bagi pemprosesan data tersebut. Akta ini juga mewajibkan kami mendapatkan persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda.

Justeru itu, anda dimaklumkan bahawa data peribadi dan maklumat selainnya (secara keseluruhan, "Data Peribadi") yang diberikan di dalam permohonan anda untuk mendaftar bagi penggunaan laman web ERA fm dan, jika relevan, untuk melanggan perkhidmatan ERA fm bakal digunakan dan diproses oleh Astro Radio Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Airtime Management & Programming Sdn Bhd) ("Company") bagi maksud-maksud berikut:-

- a) mempertimbangkan permohonan anda untuk mendaftar bagi penggunaan laman web ERA fm;
- b) mempertimbangkan permohonan langganan anda;
- c) untuk berhubung dengan anda;
- d) untuk memberi khidmat kepada anda;
- e) untuk memproses transaksi-transaksi pembayaran;
- f) menjawab pertanyaan-pertanyaan anda;
- g) mentadbir penyertaan anda di dalam pertandingan-pertandingan
- h) melaksanakan kegiatan-kegiatan dalaman;
- i) tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan
- j) untuk memberi anda maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Company dan perbadanan-perbadanan berkaitan ("related corporations")
- k) untuk memberi anda maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan rakan-rakan perniagaan kami;
- l) kegiatan-kegiatan perniagaan Company selainnya yang sah;
- m) maksud-maksud selainnya seperti yang termaktub di dalam Terma-Terma Penggunaan Laman web ERA fm; dan/atau
- n) jika relevan, maksud-maksud selainnya seperti yang termaktub di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am dan, jika terpakai, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen.

(secara keseluruhan, "Maksud-Maksud")

Seterusnya, sila maklum bahawa sekiranya diperlukan bagi mana-mana Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda mungkin dihantar ke lokasi-lokasi di luar Malaysia atau dizahirkan kepada perbadanan berkaitan, pemegang lesen, rakan perniagaan dan/atau pemberi khidmat, yang mungkin berada di dalam atau luar Malaysia. Selain dari yang dinyatakan di sini, Data Peribadi anda tidak akan, dengan sedarinya, dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau dizahirkan ke mana-mana pihak ketiga.

Bagi membolehkan kami memproses Data Peribadi anda, persetujuan anda diperlukan. Sekiranya anda tidak memberi persetujuan berkenaan kecuali sehubungan dengan pengiklanan atau pemasaran produk atau perkhidmatan Company atau rakan-rakan perniagaan kami, kami tidak dapat memproses Data Peribadi anda bagi mana-mana Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas dan permohonan anda untuk mendaftar bagi penggunaan laman web ERA fm tidak dapat kami luluskan.

Sehubungan dengan pemasaran langsung, anda boleh meminta Company secara notis bertulis (seperti yang diperuntukkan di dalam perenggan seterusnya) agar tidak memproses Data Peribadi anda bagi mana-mana Maksud-Maksud berikut: (i) pengiklanan atau pemasaran menerusi telefon produk atau perkhidmatan Company atau rakan-rakan perniagaan kami, (ii) mengirim kepada anda menerusi telefon bahan pengiklanan atau pemasaran Company atau rakan-rakan perniagaan kami, (iii) menghantar menerusi emel atau sistem pesanan ringkas (SMS) bahan pengiklanan atau pemasaran Company atau rakan-rakan perniagaan kami; atau (iv) berkomunikasi dengan anda menerusi apa cara sekali pun apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran Company atau rakan-rakan perniagaan kami.

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini mengemukakan pertanyaan, aduan dan meminta akses kepada, dan pembetulan terhadap, Data Peribadi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan menghantar permintaan berkenaan kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi Company menerusi pos berdaftar atau emel seperti yang dinyatakan di bawah:

Alamat pos: Pegawai Perlindungan Data Peribadi  
Astro Radio Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai  
Airtime Management & Programming Sdn Bhd)  
Peti Surat 10148  
50710 Kuala Lumpur

## **B. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT LAZIM PERADUAN**

### **1 PENGENALAN**

- 1.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan ini akan mentadbir Peraduan yang dianjurkan oleh Penganjur sepertimana yang dinamakan dalam Terma-terma Asas. Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan ini akan menjadi tambahan kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam Terma-terma Asas (Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan dirujuk secara kolektifnya sebagai "**Terma-terma dan Syarat-syarat**"). Jika tidak didapati Terma-terma Asas untuk sesuatu Peraduan, sebarang terma atau syarat yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat sebagai seperti dinyatakan dalam Terma-terma Asas sebaliknya akan seperti dinyatakan oleh stesen radio yang diurus oleh Penganjur.
- 1.2 Peraduan ini akan diadakan semasa Tempoh Peraduan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk mengubah, menangguh atau menukar tarikh Peraduan atau melanjutkan Tempoh Peraduan.
- 1.3 Mekanisma ringkas Peraduan ini adalah seperti dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Para Peserta mesti mematuhi mekanisma Peraduan ini sepertimana yang diterangkan dan diberitahu kepada para Peserta oleh Penganjur dari masa ke semasa dalam Tempoh Peraduan.
- 1.4 Peraduan ini akan dianjurkan oleh Penganjur dalam Bahasa Peraduan yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 1.5 Prosedur Penyertaan Peraduan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 1.6 Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menukar, mengubah, membatalkan atau menambah Terma-terma dan Syarat-syarat dan mana-mana peraturan dan undang-undang termasuk mekanisma Peraduan ini.
- 1.7 Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk membatalkan atau menangguhkan Peraduan ini pada bila-bila masa, di mana pihak Penganjur boleh memilih untuk tidak memberikan sebarang hadiah. Pembatalan atau penangguhan tersebut tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta untuk membuat sebarang tuntutan. Jika Peraduan ini disambung semula oleh Penganjur, Peserta akan mematuhi keputusan Penganjur mengenai penyambungan semula Peraduan ini serta pemberian hadiah.

### **2 PENYERTAAN PERADUAN**

- 2.1 Penyertaan Peraduan mesti lengkap, tepat dan dihantar kepada Penganjur melalui Cara Penghantaran ke Alamat beserta dengan mana-mana dokumen lain yang diperlukan menurut Terma-terma Asas. Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tarikh Tutup Penyertaan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 2.2 Jika Cara Penghantaran penyertaan adalah melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") atau perkhidmatan pesanan multimedia ("**MMS**"), setiap Penyertaan Peraduan yang dihantar oleh Peserta akan tertakluk kepada Caj premium yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Caj-caj ini adalah tambahan kepada bayaran biasa yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta yang berkenaan.
- 2.3 Dengan penghantaran Penyertaan Peraduan, Peserta akan dianggap sebagai telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Peraduan.
- 2.4 Penyerahan Penyertaan Peraduan tidak menjamin peluang Peserta untuk menyertai Peraduan ini. Penganjur berhak untuk menolak atau tidak menerima penyertaan oleh Peserta untuk sebarang sebab, termasuk (tanpa had) di mana Penyertaan Peraduan adalah tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau mana-mana terma dalam Terma-terma dan Syarat-syarat tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh Peserta.
- 2.5 Penyertaan Peraduan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum Tarikh Tutup Penyertaan sepertimana dinyatakan dalam Terma-terma Asas. Penyertaan Peraduan yang diterima selepas masa yang dinyatakan akan dibatalkan dan tidak layak untuk memenangi Hadiah.

### **3 KRITERIA KELAYAKAN**

- 3.1 Kriteria Kelayakan Peserta adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 3.2 Peraduan ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi Umur Kelayakan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.

- 3.3 Di mana Umur Kelayakan dalam Terma-terma Asal membenarkan penyertaan Peserta-peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun, Peserta mesti mendapatkan keizinan ibu bapa dan/atau penjaga terlebih dahulu sebelum menyertai Peraduan dan untuk layak menerima Hadiah. Penganjur menganggap bahawa ibu bapa dan/atau penjaga adalah bertanggungjawab untuk mengawasi penyertaan anak-anak mereka yang ingin memasuki Peraduan ini.
- 3.4 Hanya rakyat Malaysia yang boleh menjadi Peserta Peraduan ini dan mesti mempunyai Kad Pengenalan Malaysia atau Sijil Surat Beranak yang sah.
- 3.5 Peserta mungkin dikehendaki untuk menyerahkan bukti tambahan kelayakan dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Penganjur dan jika Peserta gagal untuk berbuat demikian, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta.

#### **4 KETIDAKLAYAKAN**

- 4.1 Orang-orang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:-
- 4.1.1 mana-mana halangan atau sebab ketidaklayakan yang lain sepertimana dinyatakan dalam terma-terma Asal (jika ada);
- 4.1.2 jika orang tersebut telah melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat atau mana-mana peraturan Peraduan ini atau pernah disabitkan dengan apa-apa jenayah sebelum Peraduan ini;
- 4.1.3 jika Penganjur mempercayai bahawa orang tersebut cuba menipu di dalam Peraduan ini;
- 4.1.4 pekerja-pekerja dan skolar Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami atau isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik mereka;
- 4.1.5 jika telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada Radio (seperti yang dinyatakan dalam terma-terma Asal dan jika tiada, seperti diumumkan oleh pengumuman stesen radio itu) dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan,
- 4.1.6 jika telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1,001 hingga RM 5,000 daripada Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan,
- 4.1.7 jika telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5,001 atau lebih daripada Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan.

#### **5 PEMBATALAN**

- 5.1 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Peserta dan/atau mengambil balik Hadiah (pada mana-mana peringkat Peraduan) jika:-
- 5.1.1 Peserta tersebut tidak memenuhi mana-mana Kriteria Kelayakan;
- 5.1.2 Peserta tersebut melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat atau mana-mana peraturan atau undang-undang Peraduan ini atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan; atau
- 5.1.3 pada pendapat Penganjur, ia percaya bahawa Peserta telah cuba untuk melemahkan operasi Peraduan melalui penipuan, fraud atau keperdayaan.
- 5.2 Jika berlaku pembatalan **selepas** Hadiah telah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pengembalian Hadiah itu atau bayaran sama nilai dengan Hadiah itu dari Peserta yang hilang kelayakan atau dibatalkan penyertaan.

#### **6 WARANTI-WARANTI**

- 6.1 Peserta membuat representasi dan waranti kepada Penganjur bahawa :-
- 6.1.1 Peserta mempunyai hak dan kuasa untuk menyertai Peraduan ini menurut Terma-terma dan Syarat-syarat dan akan memberi apa-apa bukti yang diperlukan oleh Penganjur;
- 6.1.2 Peserta bukan seorang yang mufis atau mufis yang belum dilepaskan;
- 6.1.3 Peserta tidak disabitkan dengan apa-apa jenayah sebelum Peraduan ini; dan
- 6.1.4 semua butiran peribadi yang dihantar dan semua kenyataan yang dibuat oleh Peserta kepada Penganjur adalah benar, tepat dan lengkap.
- 6.2 Sebagai balasan kepada tawaran Penganjur memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta tanpa syarat dan tidak boleh batal:-

- 6.2.1 bersetuju bahawa jika diperlukan oleh Penganjur, Peserta akan bersedia untuk melapangkan diri (tanpa bayaran) untuk penerbitan, rakaman dan publisiti Peraduan ini pada bila-bila masa dan jadual penerbitan yang akan diberitahu oleh Penganjur termasuk untuk tujuan:-  
 (i) temubual-temubual (yang mungkin akan dirakamkan); dan/atau  
 (ii) pengambilan gambar, rakaman audio dan/atau visual untuk tujuan promosi dan publisiti  
 (secara kolektif "**Rakaman**");
- 6.2.2 bersetuju dan memberi kebenaran bahawa Penganjur mempunyai hak dan kuasa mutlak untuk menyiarkan Rakaman dan/atau menggunakan slogan, nama atau nama timangan dalam mana-mana rancangan/saluran mereka secara penuh atau tidak dalam hak tunggal Penganjur. Semua hakcipta yang wujud dalam Rakaman akan menjadi milik penuh Penganjur;
- 6.2.3 bersetuju bahawa di mana Peserta dikehendaki menghantar apa-apa gambar, lukisan, slogan, bahan atau hasilkerja kreatif yang lain, termasuk rakaman suara atau video (secara kolektif "**Harta Intelektual**") bersama dengan Penyertaan Peraduan, Peserta memberi waranti bahawa semua hak Harta Intelektual dalam penyertaan tersebut tidak melanggar mana-mana hak harta intelektual pihak ketiga;
- 6.2.4 bersetuju bahawa Penganjur mempunyai hak secara tunggal dan mutlak, untuk menggunakan dan mengeksploitasikan Harta Intelektual melalui apa-apa cara atau media dan dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai tanpa mendapat kebenaran Peserta dahulu atau membuat apa-apa bayaran kepada Peserta dan/atau Pemenang Peraduan dan/atau wakilnya;
- 6.2.5 mengesahkan bahawa Peserta telah membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat dan Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi semua arahan yang diberi kepada Peserta oleh Penganjur dari masa ke semasa;
- 6.2.6 bersetuju bahawa semua Hadiah yang akan diberikan dalam Peraduan ini adalah bergantung kepada ketepatan maklumat yang diberikan dan pendedahan yang dibuat oleh Peserta dan pelaksanaan penuh dan lengkap semua waranti-waranti, akujanji-akujanji dan obligasi-obligasi yang dinyatakan di sini oleh Peserta;
- 6.2.7 bersetuju bahawa Peserta tidak akan melakukan sebarang perbuatan atau peninggalan, secara langsung atau tidak langsung, yang akan mencemarkan nama baik Penganjur dan/atau penaja-penaja;
- 6.2.8 bersetuju bahawa Peserta tidak akan tanpa kebenaran bertulis terdahulu dari Penganjur menerbitkan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Peraduan atau Hadiah (termasuk tanpa had, kepada apa-apa wakil mana-mana pihak media dalam apa jua bentuk sekalipun);
- 6.2.9 bersetuju bahawa Peserta tidak akan memberi sebarang pengindorsan produk, temuramah atau mengambil bahagian di dalam apa-apa artikel atau laporan yang berkenaan dengan Peraduan atau Hadiah dengan mana-mana pihak ketiga;
- 6.2.10 bersetuju bahawa penyertaan Peserta dalam Peraduan dan/atau Rancangan ini tidak memberi hak kepada Peserta untuk menerima upah, gaji atau apa-apa bayaran lain;
- 6.2.11 bersetuju dengan rakaman panggilan telefon oleh pengumum radio atau Penganjur dan bersetuju bahawa rakaman ini boleh digunakan dalam sebarang prosiding atau tribunal.

## **7 HADIAH**

- 7.1 Hadiah untuk Peraduan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Asal.
- 7.2 Nama-nama pemenang Peraduan akan diberitahu atau diumumkan oleh Penganjur melalui cara yang telah dinyatakan dalam Terma-terma Asal.
- 7.3 Semua Hadiah mesti diambil dalam Tempoh Pengambilan Hadiah dan di Tempat Pengambilan Hadiah sepertimana yang dinyatakan dalam Terma-terma Asal. Kegagalan untuk menuntut Hadiah akan menyebabkan Penganjur melucutkan hak Peserta terhadap Hadiah tersebut dan Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil-wakil Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada pemenang Peraduan dalam apa jua cara pun.
- 7.4 Apabila Hadiah yang ditawarkan adalah bukan wang tunai, Peserta tidak berhak untuk menukar Hadiah tersebut untuk wang tunai atau alternatif lain.
- 7.5 Penganjur tidak menjamin bahawa Hadiah-hadiah akan tersedia ada dan Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah-hadiah dengan mana-mana hadiah-hadiah lain yang mempunyai nilai yang serupa sepertimana yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen-ejen atau penaja-penaja dalam hak tunggal mereka.

- 7.6 Semua hadiah tidak boleh sama sekali dipindahmilik, diserahkan, ditukar atau dituntut oleh Peserta dalam bentuk atau cara yang lain selain daripada yang dinyatakan oleh Penganjur. Semua terma-terma dan syarat-syarat spesifik atau khas yang berkaitan dengan Hadiah (sama ada oleh Penganjur atau ejen-ejen atau penaja-penaja Penganjur) mesti dipatuhi oleh Peserta.
- 7.7 Hadiah-hadiah mesti dituntut secara sendiri kecuali jika Penganjur menyatakan cara pengambilan yang lain. Apabila Penganjur memilih untuk penghantar Hadiah melalui pos kepada pemenang Peraduan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk penghantaran pos Hadiah tersebut dengan cara yang selamat dan efektif.
- 7.8 Dalam situasi khas, dan tertakluk kepada hak tunggal Penganjur, pemenang Hadiah boleh melantik seorang wakil untuk mengambil hadiah. Wakil tersebut akan dikehendaki untuk memberi surat kuasa dari pemenang Peraduan dan dokumen pengenalan diri.
- 7.9 Peserta bersetuju bahawa jika Peraduan melibatkan kemenangan sebuah kumpulan dan kumpulan Peserta ini menjadi pemenang, Peserta bersetuju bahawa Penganjur diberi kuasa untuk menghadiahkan Hadiah tersebut kepada ketua kumpulan tersebut yang terpilih. Pada masa ini, Peserta harus berurusan secara terus dengan ketua kumpulannya untuk bahagian Hadiah Peserta tersebut dan tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Penganjur untuk Hadiah-hadiah atau mana-mana bahagian Hadiah tersebut.
- 7.10 Peserta bertanggungjawab untuk apa-apa dan semua cukai yang dikenakan atas sebab Hadiah itu dihadiahkan atau diterima (mana yang berkaitan).
- 7.11 Di mana Peserta memilih untuk tidak menerima Hadiah, hak Peserta terhadap Hadiah tersebut akan dilucutkan dan Hadiah tersebut akan dikendalikan menurut hak tunggal Penganjur.
- 7.12 Semua Hadiah diterima atas risiko penuh Peserta dan dihadiahkan oleh Penganjur dan/atau penaja tanpa sebarang waranti nyata atau tidak nyata. Peserta akan menandatangani surat perlepasan dan indemniti dalam bentuk yang dinyatakan oleh Penganjur, jika diperlukan, supaya boleh menerima Hadiah.

#### Hadiah Percutian

- 7.13 Jika Hadiah yang dihadiahkan oleh Penganjur adalah hadiah pelancongan/percutian ("**Hadiah Percutian**"):-
- 7.13.1 Hadiah Percutian mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen-ejen pelancongan atau penaja Penganjur dan jika gagal untuk berbuat demikian, hak pemenang Peraduan keatas Hadiah Percutian ini akan dilucutkan oleh Penganjur. Tiada alternatif wang atau destinasi yang akan ditawarkan oleh Penganjur, ejen-ejen atau penaja Penganjur.
- 7.13.2 Hadiah Percutian mesti diambil menurut semua terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen pelancongan atau penaja Penganjur termasuk (tanpa had) seperti yang berikut:-
- (i) terma-terma dan syarat-syarat syarikat penerbangan/syarikat pembawa penumpang/hotel yang berkenaan;
  - (ii) terma-terma dan had-had mana-mana polisi insurans yang berkaitan dengan Hadiah Percutian; dan
  - (iii) terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan semua peraturan dan arahan kesihatan dan keselamatan dan semua keperluan undang-undang dan kawalselia.
- 7.13.3 Mana-mana Hadiah Percutian yang dimenangi oleh Peserta yang dibawah umur mesti menurut terma-terma dan syarat-syarat syarikat penerbangan/pembawa penumpang yang berkenaan dan jika perlu, Peserta tersebut mesti diiringi oleh ibubapa atau penjaga pada kos dan perbelanjaan yang ditanggung sendiri.
- 7.13.4 Pemenang Hadiah Percutian mesti memegang dokumen perjalanan yang sah dengan sekurang-kurangnya tempoh sah paspot untuk enam (6) bulan lagi. Ia menjadi tanggungjawab pemenang-pemenang ini untuk mendapatkan kebenaran (visa) dan dokumen perjalanan pada kos sendiri. Jika pemenang-pemenang gagal untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkenaan, tiada sebarang pampasan yang akan diberikan, tidak kira dalam apa jua keadaan.
- 7.13.5 Kawalan paspot dan pihak berkuasa dalam negeri berhak untuk menghalang kemasukan sesiapa ke dalam mana-mana negara. Jika pemenang Hadiah Percutian dihalang daripada memasuki atau meninggalkan mana-mana negara yang dilawat, Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun untuk memberi pampasan kepada Peserta atas sebab dihalang daripada memasuki atau keluar negara itu dan apa-apa kos tambahan yang dikenakan adalah atas tanggungan dan tanggungjawab pemenang tersebut.

- 7.13.6 Dalam keadaan yang tidak dijangka atau di luar kawalan Penganjur, ejen-ejen pelancongan atau penaja Penganjur, Penganjur serta ejen-ejen pelancongan dan penaja Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menawarkan destinasi alternatif yang mempunyai nilai yang serupa. Tiada alternatif wang yang akan ditawarkan.
- 7.13.7 Butiran mengenai jadual penerbangan, pengangkutan lain, lapangan terbang, tempat tinggal atau aspek-aspek lain mengenai Hadiah Percutian, dan tarikh dan masa yang disebut oleh Penganjur, ejen-ejen pelancongan, penaja-penaja atau wakil-wakil Penganjur untuk panduan sahaja dan adalah tertakluk kepada pertukaran tanpa notis dan tanpa apa-apa liabiliti.
- 7.13.8 Kelas perjalanan untuk mana-mana Hadiah Percutian yang melibatkan penerbangan adalah kelas ekonomi kecuali ditentukan sebaliknya.
- 7.13.9 Pemenang Hadiah Percutian mesti mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung apa-apa komitmen kewangan yang mungkin ditanggung berkaitan dengan Hadiah Percutian (termasuk, tanpa had, pertukaran ke dan dari mana-mana lapangan terbang yang dinyatakan dalam Hadiah Percutian, makan dan minum, khidmat bilik, khidmat dobi, berat beg berlebihan, insurans sendiri, perubatan dan/atau beg, semua barang persendirian, cukai kastam dan cukai lapangan terbang) lebih daripada apa yang dimasukkan dalam Hadiah Percutian tersebut.

#### Hadiah Tiket atau pemberian yang lain

- 7.14 Jika Hadiah yang dihadiahkan oleh Penganjur adalah dalam bentuk tiket percuma atau bentuk-bentuk lain, pemenang-pemenang akan terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara. Dalam kes hadiah tiket, Pemenang harus patuh kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera atas tiket tersebut dan peraturan dan undang-undang lokasi acara tersebut.

#### Hadiah Wang

- 7.15 Di mana berkenaan, hadiah wang akan diberi kepada pemenang dalam bentuk cek. Pemenang hadiah wang bertanggungjawab untuk semua caj bank yang berkaitan (termasuk caj cek luar negeri) yang dikenakan oleh bank semasa memproses cek pemenang.

### **7A. KEGAGALAN PANGGILAN DAN PESERTA YANG TIDAK BOLEH DIHUBUNGI**

#### 7A.1 Pemberian Hadiah Melalui Faks Dan Pos

Pihak Penganjur adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan melalui pos dan/atau faksimili yang hilang, rosak, tersalah hantar dan/atau lewat dalam penghantarserahan kepada Pihak Penganjur, dan Pihak Penganjur juga adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan dan/atau permasalahan dan/atau kegagalan fungsi ke atas peralatan komputer, peralatan mesin faksimili dan/atau talian telefon mesin faksimili.

#### 7A.2 Pemberian Hadiah Melalui Telefon

Tiada liabiliti diletakkan ke atas Pihak Penganjur terhadap sebarang permasalahan komunikasi telefon dan/atau masalah-masalah teknikal yang dialami oleh para pemanggil talian telefon seperti kerosakan, tersalah transkrip, tersalah arah dan/atau kesilapan mendail semasa panggilan telefon tersebut.

Sekiranya dalam pelaksanaan sesuatu Pemberian Hadiah: -

- talian telefon terputus dan/atau terganggu; dan/atau
- terdapat perbalahan/keraguan yang timbul hasil daripada penggunaan talin-talian telefon di dalam sesuatu Pemberian Hadiah (termasuk di dalam situasi di mana talian telefon berganda digunakan); dan/atau
- dua (2) talian telefon terlintang di antara satu sama lain („crossline“) semasa Pemberian Hadiah melalui panggilan telefon;

Pihak Penganjur berhak, di bawah budibicara mutlaknyanya, membatalkan penyertaan pemanggil dan/atau pemanggil-pemanggil, dan Penganjur tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi Hadiah kepada pemanggil dan/atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberi Hadiah yang berkenaan kepada individu lain menurut budibicara mutlak Pihak Penganjur.

Dalam keadaan di mana lebih daripada satu (1) suara pemanggil kedengaran melalui talian telefon, Peserta atau Pemenang yang paling berhak akan menjadi individu pertama bercakap dan ini adalah tertakluk kepada keputusan muktamad hakim-hakim Pihak Penganjur. Sekiranya hakim-hakim tidak berupaya untuk memastikan pemanggil pertama, undian secara rawak akan dilakukan untuk mengenalpasti Pemenang.

Sebarang penyertaan yang didapati menggunakan pertukaran telefon („telephone switching“) atau peralatan aturcara („programming equipment“) adalah terbatal dengan sendirinya.

Dalam Pemberian Hadiah melalui panggilan telefon, „isyarat untuk memanggil“ adalah efektif hanya apabila kedengaran melalui penyiaran radio ke udara, dan pelayaran melalui internet adalah tidak sah kerana kemungkinan terjadinya siaran tertunda di dalam transmisi audio atau ralat di dalam internet.

### 7A.3 Pemberian Hadiah Melalui SMS

Pihak Penganjur adalah tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah, kerugian dan/atau kerosakan hasil daripada sebarang sebab yang dialami oleh mana-mana pihak di atas kelewatan dan/atau kegagalan dalam penerimaan dan/atau penghantaran sesuatu SMS hasil daripada ralat sebarang jaringan („network“), komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh operator telefon mudah alih/telefon bimbit yang mengambil bahagian dan/atau oleh Penganjur dan/atau hasil daripada penyertaan dan/atau hasil daripada pemuat-turunan sebarang bahan di dalam Pemberian Hadiah. Di dalam situasi ralat, gangguan dan/atau kegagalan, pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung untuk sebarang kegagalan Peserta untuk menyertai Pemberian Hadiah terbabit pada bila-bila masa sekalipun.

Pihak Penganjur adalah tidak bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang ralat, kegagalan untuk melaksanakan sesuatu, pencelahan/gangguan, pemadaman („deletion“), kecacatan („defect“), kelewatan dalam operasi dan/atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian, kemusnahan, perubahan/alterasi terhadap, dan/atau kemasukan penyertaan tanpa kebenaran, dan/atau kehilangan penyertaan atau kelewatan penyertaan sama ada timbul semasa operasi atau transmisi hasil fungsi-fungsi server, virus-virus, pepijat-pepijat dan/atau sebab-sebab lain ayang mana adalah di luar kawalan Penganjur.

Pihak Penganjur akan membatalkan sebarang penyertaan atau membatalkan Pemberian Hadiah ini sekiranya peserta dicurigai menggunakan sebarang penipuan, mengodam atau penggunaan apa-apa juga peralatan atau aplikasi untuk menaikkan jumlah undian atau yang berkaitan dengannya di dalam Pemberian Hadiah ini yang membabitkan undian di atas talian SMS kami.

Jika Pemberian Hadiah ini memerlukan pendaftaran terlebih dahulu melalui SMS, pihak Penganjur mempunyai hak untuk memilih peserta atau pemenang seterusnya jika pihak Penganjur tidak dapat menghubungi peserta atau pemenang yang pertama.

## **8 KEPUTUSAN HAKIM/PENGANJUR**

- 8.1 Kriteria untuk pemilihan pemenang-pemenang adalah seperti dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 8.2 Pemberitahuan pemenang-pemenang akan dibuat melalui cara yang dinyatakan dalam Terma-terma Asas.
- 8.3 Keputusan Hakim/Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan (termasuk tanpa had, pemilihan Peserta, cara permainan Peraduan dan/atau apa-apa resolusi yang dibuat) adalah muktamad dan mengikat Peserta. Apa-apa perbincangan, surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau cabaran terhadap keputusan Penganjur yang dibuat tidak akan dilayan.
- 8.4 Peserta tidak boleh mempertikai atau membuat apa-apa aduan lisan atau bertulis, pengumuman umum atau kenyataan mengenai keputusan Hakim/Penganjur sama ada semasa atau selepas Tempoh Peraduan.

## **9 AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSI**

- 9.1 Penganjur dan/atau syarikat bersekutunya mempunyai hak tunggal untuk menghantar pesanan SMS atau pemberitahuan emel kepada nombor telefon bimbit Peserta atau alamat emel yang mengandungi maklumat dan promosi aktiviti mengenai promosi-promosi Astro yang lain.
- 9.2 Jika Peserta tidak ingin menerima pesanan SMS atau emel sedemikian, Peserta dikehendaki menelefon dan memberitahu Penganjur seperti yang dinyatakan.

## **10 UNDANG-UNDANG**

- 10.1 Terma-terma dan syarat-syarat Peraduan ini akan dibaca dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

## **11 MAKLUMAT SULIT**

- 11.1 Peserta bersetuju untuk menganggap semua Terma-terma dan Syarat-syarat dan peraturan dan undang-undang Peraduan dan semua maklumat dan pengetahuan yang diperoleh oleh Peserta berkenaan dan/atau berkaitan dengan Peraduan ini dan/atau Rancangan ini dan/atau diperolehi oleh

sebab penyertaan Peserta di dalam Peraduan/Rancangan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada perniagaan dan butir-butir operasi Penganjur, mekanik Peraduan, penghakiman/kriteria pemilihan untuk Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maklumat Sulit**"), sebagai sulit dan Peserta bersetuju semasa dan selepas Tempoh Peraduan ini untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak mendedahkan sebarang Maklumat Sulit kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan atas apa sebab sekalipun dan berakujanji untuk memulangkan semula kepada Penganjur semua material yang nyata yang mengandungi Maklumat Sulit termasuk sebarang dokumentasi, rekod-rekod, senarai-senarai, nota-nota, lakaran-lakaran, lukisan-lukisan, memorandum-memorandum, model-model akaun, bahan-bahan rujukan, contoh-contoh dan media dan peralatan yang boleh dibaca mesin yang berkaitan dengan Maklumat Sulit termasuk semua pendua dan salinan.

## **12 INDEMNITI**

- 12.1 Peserta selamanya mengenyepikan dan melepaskan Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil-wakil Penganjur dari dan terhadap sebarang dan semua liabiliti, kos, kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dituntut oleh Peserta atau mana-mana pihak yang menuntut bagi pihak Peserta yang mungkin timbul akibat daripada penerimaan mana-mana Hadiah atau penyertaan dalam Peraduan ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri dan kerosakan kepada harta sama ada atau tidak secara terus, berbangkit atau boleh ramal.
- 12.2 Peserta akan menggantirugi Penganjur, syarikat bersekutunya ejen-ejen dan penaja-penaja Penganjur dari dan terhadap semua liabiliti, kos, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung disebabkan oleh pelanggaran waranti dan akujanji Peserta dalam Peraduan akan pelanggaran Terma-terma dan Syarat-syarat dan/atau peraturan dan undang-undang Peraduan.

## **13 KOS**

- 13.1 Semua kos yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan termasuk tanpa had caj pos atau pembekal khidmat Internet ("ISP") (jika berkaitan), semua kos pengangkutan, caj perhubungan, tempat tinggal, makan dan kos lain yang berkaitan yang ditanggung oleh Peserta akibat daripada dan/atau disebabkan oleh penyertaan Peserta dalam Peraduan akan ditanggung secara sendiri oleh Peserta. Penganjur tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk membayar balik Peserta untuk mana-mana kos dan perbelanjaan yang ditanggung sedemikian.

## **14 HAD LIABILITI**

- 14.1 Peserta mengaku bahawa penyertaan beliau di dalam Peraduan ini adalah di atas risikonya tersendiri.
- 14.2 Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja, wakil-wakil, syarikat bersekutu Penganjur dan pengarah, pegawai dan pekerja, ejen dan pemegang serahhak mereka tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta berkenaan dengan kegagalan untuk memenangi sebarang Hadiah dalam Peraduan ini, Hadiah rosak atau penyalahgunaan Hadiah atau apa-apa kehilangan, kerugian, kos, perbelanjaan, tuntutan, liability, kematian atau kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Peraduan atau akibat daripada atau berkaitan dengan Peraduan, penyertaan Peserta dalam Peraduan dan/atau Hadiah yang dihadihkan.
- 14.3 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap:-
- 14.3.1 sebarang masalah, kerugian atau kerosakan atas sebarang sebab yang dihadapi oleh Peserta atau mana-mana pihak yang disebabkan oleh kelewatan dan/atau kegagalan di dalam penerimaan atau penyerahan Penyertaan Peraduan yang disebabkan oleh kegagalan rangkaian, komunikasi, ISP atau kesilapan sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh Penganjur atau pembekal khidmat telekomunikasi Peserta dan/atau disebabkan oleh penyertaan atau muat turun mana-mana bahan di dalam Peraduan ini. Jika berlaku sebarang kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan yang dihadapi oleh Peserta untuk menyertai Peraduan ini atau apa-apa kegagalan yang dihadapi oleh Penganjur dalam memenuhi obligasi Penganjur di bawah ini;
- 14.3.2 sebarang kesilapan (termasuk kesilapan dalam pemberitahuan kepada pemenang Peraduan), peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi atau pengangkutan, kecurian, pemusnahan, akses yang tidak dibenarkan, atau penyertaan yang hilang atau lewat sama ada atau tidak timbul semasa operasi atau transmisi disebabkan oleh sebab-sebab yang di luar kawalannya; dan
- 14.3.3 sebarang perubahan yang dibuat oleh Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja atau wakil-wakil Penganjur termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan Hadiah atau masa atau tarikh Peraduan ini.

## **15 SYARAT-SYARAT AM**

- 15.1 Penganjur, ejen-ejen, penaja-penaja dan wakil-wakil Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana obligasi mereka terhadap Peraduan ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat,



peraturan dan undang-undang berkaitan dengan Peraduan ini di mana mereka tidak dapat berbuat demikian atas sebab kejadian yang diluar kawalan dan tidak akan bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa jua keadaan.

- 15.2 Peserta tidak boleh menyerahhkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana obligasi di dalam ini. Penganjur mempunyai hak untuk menyerahhkan atau sublesen kesemua atau sebahagian daripada hak-haknya di bawah ini kepada mana-mana pihak ketiga sepertimana yang ditentukan oleh Penganjur.
- 15.3 Semua hak-hak dan keistimewaan yang diberikan di sini kepada Penganjur adalah tidak boleh batal dan tidak tertakluk kepada pembatalan, halangan atau injunksi di bawah apa jua keadaan. Di dalam apa jua keadaan pun Peserta tidak berhak kepada relif injunksi atau untuk menghalang atau mengganggu penganjuran Peraduan, penerbitan, pengeluaran, pameran dan/atau eksploitasi Peraduan dan/atau Rancangan dan/atau apa-apa produk yang dihasilkan dan/atau berkaitan dengan Peraduan dan/atau Rancangan.
- 15.4 Ketidaklayakan, pengharaman atau ketidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma di bawah ini tidak akan memberi kesan atau mengganggu penguatkuasaan Terma-term dan Syarat-syarat Peraduan yang lain.
- 15.5 Bahasa utama Terma-terma dan Syarat-syarat adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

\* \* \* \* \*